

## **Kepentingan Toleransi Beragama dalam kalangan Pelajar Universiti**

### **The Culture of Religious Tolerance Practice among University Students**

**Siti Marpuah<sup>1\*</sup>, Chan Jun Wei<sup>2</sup>, Heru Saiful Anwar<sup>3</sup>, Nur Kholis<sup>4</sup>, Akhyak<sup>4</sup>, Intan farhana<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

<sup>2</sup>Student Diploma, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

<sup>3</sup>Faculty of Tarbiyah, University Darussalam Gontor, Ponorogo, Jawa Timur, 63471, INDONESIA

<sup>4</sup>Fakulty of FUAD State Islamic Religious Institute of Tulungagung, Jawa Timur, 66218, INDONESIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2021.03.01.008>

Received 3 March 2021; Accepted 16 May 2021; Available online 15 June 2021

**Abstrak:** Realiti kehidupan sosial hendaklah mampu menampung perbezaan dan kepelbaaan antara manusia. Salah satu kepelbaaan tersebut adalah pilihan kepercayaan, oleh itu kita seharusnya dapat bergaul dengan anggota komuniti agama yang sama dan juga dengan yang lain terutama dalam kalangan pelajar universiti yang terdapat pelbagai macam agama dan bangsa. Toleransi beragama adalah suatu keperluan untuk menjamin kestabilan sosial terhadap kekuatan ideologi yang tidak diingini dan bahkan pertembungan fizikal dalam masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana kepentingan toleransi beragama dalam kalangan pelajar di universiti. Selain itu kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimanakah amalan toleransi beragama yang dilaksanakan pelajar di universiti. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan google form untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tujuan kajian. Responden hanyalah melibatkan 50 orang pelajar sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa 100 peratus responden mengatakan bahawa toleransi beragama dalam kalangan pelajar universiti yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa adalah sangat penting. Sedangkan amalan yang biasa mereka lakukan tanpa mengira agama sebagai salah satu perwujudan toleransi adalah berbincang bersama, menderma tanpa kira agama, menziarahi rakan yang sakit, makan bersama, bersukan bersama dan sebagainya.

Kata Kunci : Kepentingan, toleransi beragama, pelajar pelbagai agama

**Abstract:** The reality of social life must be able to accommodate human differences and diversity. The choice of beliefs is one example of such diversity. The purpose of this research is to identify common practises carried out by university students regardless of religion or belief. This research will also look into whether religious tolerance is important. This is a quantitative study that uses a Google form to collect information related to the study's purpose. There are 120 first-year students who took Moral Studies Subject. The findings revealed that one of the manifestations of tolerance among students of all religions is to discuss together, donate regardless of religion, visit a sick friend, eat together, play sports together, and so on. The study's findings also revealed that 95 percent of respondents agreed that religious tolerance among university students of various religions is important.

**Keywords:** Practice, religius tolerance, university student

## 1. Pengenalan

Malaysia sebagai salah satu negara yang mempunyai masyarakat majmuk di Asia Tenggara memiliki kepelbagaiannya sosio-budaya dan agama, hal ini menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dan menjadi perhatian dunia dalam proses pembentukan amalan perpaduan dalam kalangan rakyat yang pelbagai budaya dan kepercayaan ini. Oleh yang demikian, tindakan-tindakan yang diambil dalam memastikan negara Malaysia agar sentiasa berada dalam keadaan aman daripada konflik yang mungkin tercetus daripada perbezaan budaya ini menjadi model kepada negara-negara lain di dunia ini (Kamri K.A., Isa, K., Yahya, A., Ahmad, A.R. & Yusoff, Kamri, 2016). Maka, budaya toleransi beragama pelbagai kepercayaan dalam kalangan pelajar universiti merupakan satu topik yang amat penting untuk dibincangkan pada masa kini.

Konsep budaya adalah satu kemampuan seseorang individu dalam menggunakan daya keupayaan bagi mengatasi sesuatu konflik atau permasalahan. Budaya toleransi dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi yang beragama pelbagai kepercayaan adalah satu unsur yang sangat krusial. Dalam artikel Hallim yang berjudul "Menggali Oase Toleransi", menjelaskan bahawa "Toleransi berasal dari bahasa Latin, iaitu *tolerantia*, bererti kelonggaran, kelembutan hati, keringinan, dan kesabaran". Secara amnya, terminologi ini membentuk tabiat terbuka, sukerela dan kelembutan. Menurut Ahmad Tarmizi & Sarjit (2012) toleransi beragama merupakan subjek yang sering dan masih di bincangkan dan di persoalkan demi keharmonian dunia. Selain itu, toleransi beragama merupakan satu tingkah laku dan prinsip yang membawa satu persefahaman dalam menerima perbezaan beragama dalam sesebuah masyarakat tanpa sebarang diskriminasi dan prejudis (Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill, Zaid Ahmad, Jayum A. Jawan & Nur Ayuni Mohd Isa, 2013). United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) mengertikan toleransi sebagai sikap "saling menghormati, saling menerima, dan saling menghargai di tengah keragaman budaya, kebebasan bereksresi, dan karakter manusia". Kajian ini mencuba untuk merungkai bagaimanakah budaya amalan toleransi beragama yang biasa dilakukan oleh pelajar universiti.

### 1.1 Kepentingan Toleransi Antara Umat Beragama

Toleransi atau Toleran berasal dari bahasa Latin "tolerare" yang bererti "sabar dan menahan diri". Toleransi juga bererti suatu sikap saling menghormati dan menghargai dalam masyarakat ataupun dalam lingkup yang lain. Malaysia mempunyai masyarakat berbilang agama dan budaya yang pada asasnya hidup secara aman dan damai. Kepelbagaiannya ini satu keunikan yang sepatutnya dirai dan menjadi kebanggaan rakyat kita. Keharmonian dalam kemajmukan ini menjadikan Malaysia negara yang sering dicontohi masyarakat antarabangsa, namun sebagai negara dengan rakyat berbilang kaum dan budaya sikap toleransi yang tinggi adalah kekuatan sebenar untuk kehidupan yang harmoni terutama ketika negara sedang menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang melibatkan kaum dan agama di Malaysia.

Berdasarkan Global Peace Index 2019, Malaysia tersenarai antara negara paling aman, iaitu di tempat ke-16. Indeks ini meningkat dari tangga ke-30 pada 2017 dan tangga ke-25 pada 2018. Ini menunjukkan Malaysia negara aman walaupun terdiri pelbagai etnik, bahasa, budaya dan agama pada mata dunia. Ia secara tidak langsung menggambarkan rakyat Malaysia mempunyai sikap toleransi yang tinggi. Generasi muda perlu dipupuk dengan nilai-nilai yang baik kerana toleransi bukan sahaja akan membawa kepada kekuatan dalam hubungan antara kaum, agama dan latar belakang sosial, tetapi juga dapat mempromosikan kehidupan yang harmoni di Malaysia.

Menurut Md Farid (2018), bahawa budaya toleransi yang telah ditanam dalam percampuran serta pergaulan bersama menjana hubungan baik bukan sekadar membentuk persahabatan tetapi ini juga menggalakkan hubungan persaudaraan antara semua agama dan etnik walaupun mereka berasal dari latar belakang sosial, agama dan etnik yang berbeza, namun mereka dapat bersama-sama dan benar-benar menikmati cara hidup Malaysia. Perpaduan seperti ini yang mempunyai tahap toleransi yang tinggi dan mencari titik persamaan tanpa mengurangi rasa hormat diri seseorang. Selain itu juga menunjukkan evolusi kita sebagai sebuah negara kerana toleransi dan kesederhanaan tidak dapat dipisahkan.

Toleransi beragama adalah suatu keperluan untuk menjamin kestabilan sosial terhadap kekuatan ideologi suatu negara terutama dalam kalangan pelajar universiti. Pada dasarnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan-

amalan yang biasa dilakukan oleh pelajar universiti tanpa mengira agama dan kepercayaan. Selain itu kajian ini juga bertujuan melihat kepentingan toleransi beragama dalam kalangan mereka.

Toleransi merupakan satu tindakan yang dilakukan tanpa paksaan dan dipamerkan melalui sikap, pendapat, tingkah laku dan kepercayaan. Toleransi beragama adalah nilai saling menghormati antara penganut-penganut agama lain dan sikap yang membenarkan dan menerima perbezaan agama untuk diamalkan dalam masyarakat majmuk tanpa diskriminasi dan prasangka (Roni Ismail, 2012; Ahmad Tarmizi et al, 2013).

Toleransi beragama adalah atas kepada keharmonian negara dan ketiadaan toleransi beragama berupaya menjadi faktor penyebab perpecahan di kalangan masyarakat yang pelbagai. Pelbagai isu yang melibatkan agama telah mencetuskan kemarahan rakyat Malaysia. Antara isu-isu adalah penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian (Mohd Roslan, 2011), isu pasangan remaja, Alvin dan Vivian yang menghina agama Islam (Karmini, 2013), isu kepala babi di sebuah masjid di Kuala Lumpur dan isu perarakan kepala lembu di Selangor (Rahimin Affandi et.al, 2011). Konflik antara penganut agama yang berbeza boleh dikurangkan dengan meningkatkan tahap toleransi antara agama. Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya toleransi antara agama perlu dikenal pasti terlebih dahulu.

Mohd Roslan (2011) mencadangkan bahawa setiap penganut agama tidak boleh menyentuh isu-isu yang sensitif. Mana-mana isu yang melibatkan sensitiviti agama yang timbul perlu diselesaikan secara rasional dan diplomasi. Kurangnya sikap toleransi beragama juga berpunca daripada kurangnya sikap menghormati hak orang Islam oleh penganut agama lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Dalam mewujudkan masyarakat bertoleransi tinggi, terdapat beberapa cabaran yang telah dikaji oleh Nur Farhana dan Khadijah (2013). Cabaran pertama adalah hak antara orang Islam dan bukan Islam masih tidak jelas kerana terdapat konflik dan pertindihan antara undang-undang syariah dan sivil. Cabaran kedua adalah kurangnya penghargaan orang bukan Islam kepada Islam seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan Malaysia. Manakala cabaran ketiga pula adalah faktor dalaman agama seperti yang digambarkan oleh Jaffary (2003) iaitu toleransi beragama tidak dapat dijalankan di Malaysia kerana prasangka Melayu terhadap penganut agama-agama selain Islam.

Malaysia telah mencatatkan beberapa peristiwa yang menunjukkan pengalamannya dalam mendepani toleransi antara sosio agama sebagaimana yang telah ditulis oleh Ahmad Tarmizi Talib dan Sarjit S. Gill (2012). Antara bukti yang menunjukkan masyarakat Malaysia bersikap toleransi adalah kewujudan amalan rumah terbuka bagi perayaan-perayaan utama yang diamalkan oleh kaum-kaum utama (Wan Azizah Wan Ismail 2001) dan kewujudan dua puluh kuil di Kelantan walaupun Buddha merupakan komuniti minoriti (Mohamed Yusoff Ismail 2006).

Pengalaman toleransi beragama yang baik dengan penganut agama lain merupakan elemen penting dalam mewujudkan masyarakat yang bersikap toleransi dalam masyarakat pelbagai agama seperti di Malaysia. Pengalaman merupakan peristiwa yang berada dalam ingatan setiap orang yang akan memandu kepada tingkahlaku mereka kepada situasi yang akan dilalui pada masa akan datang. Pengalaman berbeza bagi setiap orang dan merupakan sesuatu yang berharga yang tidak dapat diulangi lagi. Dalam konteks toleransi beragama ini, pengalaman bertoleransi dengan penganut agama lain yang telah dilalui akan memberi kesan kepada diri belia untuk bertingkahlaku dengan penganut agama lain. Setiap belia perlu dipupuk agar menghormati penganut agama lain supaya setiap orang dapat menjalankan cara hidup agama masing-masing dalam suasana yang harmoni.

## 2. Metodologi Kajian


Kajian ini merupakan kajian kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan dalam bentuk google form melibatkan 120 orang pelajar tahun 1 yang mengambil subjek Pengajian Moral. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik atas talian iaitu Google Forms dengan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Instrumen soal selidik yang dibina menggunakan prinsip KISS (Keep It Short & Simple) iaitu mengemukakan soalan yang ringkas dan mudah difahami bagi semua responden. Soal selidik yang dikemukakan mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A yang mengandungi data demografi responden, Bahagian B iaitu soalan soal selidik untuk mengkaji tentang keadaan budaya toleransi beragama dalam kalangan pelajar universiti. Dalam kaedah ini, borang soal selidik diperlukan untuk memudahkan lagi kajian yang hendak dijalankan. Rasional menggunakan soal selidik adalah untuk mendapatkan jawapan yang berbeza-beza dan mudah dibandingkan serta jawapan mudah diproses menerusi skala likert.

## 3. Analisis Dapatan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan tentang dapatan kajian tentang maklumat berkaitan dengan demografi responden yang berkaitan dengan jantina, agama dan analisis tentang amalan toleransi beragama yang biasa dilakukan oleh pelajar universiti.


### 3.1 Demografi Responden

Seramai 120 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Kampus Pagoh telah disoal selidik. Huraihan analisis data berdasarkan latar belakang responden iaitu melibatkan aspek jantina dan agama telah dipersembahkan dalam bentuk rajah dan carta berikut ini.



Rajah 2.1 - Jantina responden

Berdasarkan Rajah 4.1 didapati seramai 120 orang responden telah mengisi borang soal selidik, iaitu 35 (29.2%) orang responden adalah terdiri daripada perempuan. Manakala seramai 85 (70.8%) orang responden adalah terdiri daripada lelaki.




Rajah 2.2 - Agama responden

Rajah 4.2 menunjukkan responden kepada soal selidik yang dijalankan mengikut agama responden. Responden dipilih secara rawak dan terdiri daripada responden yang berbilang agama iaitu agama Buddha, Kristian, Islam, Hindu dan lain-lain. Sebanyak 83 orang responden adalah beragama Islam yang mewakili 69.2%. Seterusnya, responden daripada agama Hindu ialah seramai 14 orang yang mewakili 11.7%. Selain itu, responden yang beragama Kristian adalah sebanyak 12 orang yang mewakili 10%. Manakala, responden daripada agama Buddha adalah sebanyak 10 orang yang mewakili 8.3%. Responden daripada agama lain pula ialah seramai 1 orang sahaja yang mewakili 0.8%. Oleh itu, seperti yang dilihat bahawa bilangan responden daripada agama Islam adalah lebih ramai berbanding dengan agama-agama yang lain.

### 3.2 Analisis Terhadap Amalan Toleransi Beragama


Setiap agama mempunyai adat resam dan kepercayaan masing-masing. Sikap ingin mengambil tahu akan mengunkitkan sikap memupuk perpaduan antara kaum yang berbeza. Mahasiswa yang sentiasa ingin mendapatkan lebih banyak pengetahuan mengenai maklumat agama dan etika akan mengambil inisiatif untuk bertanya orang berlainan bangsa atau orang yang lebih berpengalaman atau melakukan penyelidikan yang lanjut. Sikap atau keghairan informasi tersebut akan membolehkan seorang individu itu menghormati pemujaan, kepercayaan kaum lain dan menyebarkan lebih banyak informasi positif yang lantasnya akan mewujudkan golongan mahasiswa/mahasiswi yang perpaduan.

Pada bahagian ini, terdapat 8 soalan telah dikhususkan kepada 120 orang pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Kampus Pagoh. Soalan-soalan ini telah dikemukakan adalah untuk menyiasat keadaan toleransi beragama dalam kalangan pelajar universiti tersebut.




**Rajah 2.3 - Menghormati upacara agama rakan yang bukan seagama**

Soalan 1 yang telah diutarakan kepada responden ialah sama ada pelajar bersetuju atau tidak bersetuju terhadap pandangan mereka kepada menghormati upacara agama yang dilaksanakan oleh rakan yang bukan seagama. Bagi soalan 1 ini, 3 orang kurang setuju (2.5%), 4 orang pula setuju (15.8%) dan 98 orang adalah sangat setuju (81.7%). Tiada orang yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju. Ini telah membuktikan bahawa kebanyakan responden sanggup menghormati upacara agama yang dilaksanakan oleh rakan yang bukan seagama dengan mereka.




**Rajah 2.4 - Selalu membincang hal pengajian ataupun hal agama dengan rakan bukan seagama**

Soalan 2 yang disoal kepada responden ialah sama ada responden bersetuju atau tidak dalam berbincang dengan rakan bukan seagama tentang hal pengajian ataupun hal agama. 1 orang responden sangat tidak setuju (0.8%), 5 orang tidak bersetuju (4.2%) dan 27 orang kurang setuju (22.5%), 41 orang lagi setuju (34.2%) dan seramai 46 orang sangat setuju (38.3%). Seperti yang dilihat, ramai responden sudi berbincang hal pengajian ataupun hal agama bersama rakan yang bukan seagama dengan mereka.




**Rajah 2.5 - Selalu menghormati adat atau budaya rakan bukan seagama**

Soalan 3 yang diberikan kepada responden ialah selalu menghormati adat atau budaya yang diamalkan oleh rakan yang bukan seagama. Sebanyak 4 orang kurang bersetuju (3.3%), 23 orang bersetuju (19.2%) dan 93 orang sangat bersetuju (77.5%). Tiada orang yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju. Maka, ramai responden yang memilih untuk menghormati adat atau budaya yang diamalkan oleh rakan bukan seagama.




**Rajah 2.6 - Selesa makan semeja dengan rakan yang bukan seagama**

Soalan 4 ialah keselesaan makan semeja dengan rakan yang bukan seagama. 13 orang responden tidak setuju (10.8%), 19 orang responden setuju (15.8%) dan 88 orang responden adalah sangat setuju (73.3%). Tiada responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju. Kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka berasa selesa untuk makan semeja dengan rakan yang bukan seagama dengan mereka.




**Rajah 2.7 - Tidak prejudis terhadap penganut agama lain**

Soalan 5 yang diberikan kepada responden ialah tidak prejudis terhadap penganut agama lain. Dapatan kajian menunjukkan 1 orang sangat tidak bersetuju (0.8%), 1 orang pula tidak bersetuju (0.8%), 5 orang responden kurang bersetuju (4.2%), 22 orang responden (18.3%) setuju dan 91 orang responden sangat setuju (75.8%). Secara puratanya, ramai responden bersetuju terhadap tidak prejudis terhadap penganut agama lain.




**Rajah 4.8 - Menziarahi orang sakit tanpa mengira agama**

Soalan 6 yang diberikan kepada responden ialah menziarahi orang sakit tanpa mengira agama. 1 orang responden tidak setuju (0.8%), 11 orang responden kurang setuju (9.2%), 28 orang setuju (23.3%) dan 80 orang responden sangat setuju (66.7%). Tiada responden yang setuju dan sangat tidak setuju. Ramai responden yang sudi menziarahi orang sakit tanpa mengira agama.



**Rajah 2.9 - Melawat rumah rakan yang tidak seagama semasa hari perayaan**

Soalan 7 pula menyoal responden tentang kesudian melawat rumah rakan yang tidak seagama semasa hari perayaan. 2 orang responden tidak setuju (0.8%), 23 orang kurang setuju (19.2%), 31 orang setuju (25.8%) dan 65 orang sangat setuju (54.2%). Tiada responden yang sangat tidak setuju. Sepertinya, banyak responden bersetuju untuk melawat rumah rakan yang tidak seagama semasa hari perayaan.



**Rajah 2.10 - Menderma tanpa mengira agama**

Soalan 8 yang diberikan kepada responden tentang suka menderma tanpa mengira agama. Seramai 10 responden kurang setuju (8.3%), 27 orang responden setuju (22.5%) dan 83 orang responden sangat setuju (69.2%). Daripada carta soalan 8, ramai responden bersetuju untuk menderma tanpa mengira agama.

Berdasarkan analisis dapatan kajian soalan pertama berkaitan dengan amalan toleransi beragama yang dilaksanakan pelajar di universiti, sebahagian besar pelajar bersetuju bahawa amalan yang biasa mereka lakukan di antaranya adalah menghormati upacara agama yang dilaksanakan oleh rakan yang bukan seagama, dimana 98 orang (81.7%) adalah sangat setuju dengan amalan tersebut. Selain daripada itu amalan lain yang biasa mereka lakukan adalah berbincang dengan rakan bukan seagama tentang hal pengajian ataupun hal agama, dengan dapatan kajian 1 orang responden sangat tidak setuju (0.8%), 5 orang tidak bersetuju (4.2%) dan 27 orang kurang setuju (22.5%), 41 orang lagi setuju (34.2%) dan seramai 46 orang sangat setuju (38.3%).

Amalan selalu menghormati adat atau budaya yang diamalkan oleh rakan yang bukan seagama juga mendapat respon yang sangat baik. Hanya 4 orang kurang bersetuju (3.3%), 23 orang bersetuju (19.2%) dan 93 orang sangat bersetuju (77.5%). Tiada orang yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju. Ini menunjukkan mereka saling menghormati dan bertimbang rasa apabila rakan mereka yang berlainan adat budaya meraikannya.

Dalam soalan yang berkaitan dengan keseleraan makan semeja dengan rakan yang bukan seagama. 13 orang responden tidak setuju (10.8%), 19 orang responden setuju (15.8%) dan 88 orang responden adalah sangat setuju (73.3%). Tiada responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju. Kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka berasa selesa untuk makan semeja dengan rakan yang bukan seagama dengan mereka. Selain itu dalam kontek tidak prejudis terhadap penganut agama lain. Hanya seorang (1) sangat tidak bersetuju (0.8%), 1 orang pula tidak bersetuju (0.8%), 5 orang responden kurang bersetuju (4.2%), 22 orang responden (18.3%) setuju dan 91 orang responden sangat setuju (75.8%). Secara puratanya, ramai responden bersetuju terhadap tidak prejudis terhadap penganut agama lain.

Sedangkan dalam amalan menziarahi orang sakit tanpa mengira agama. 1 orang responden tidak setuju (0.8%), 11 orang responden kurang setuju (9.2%), 28 orang setuju (23.3%) dan 80 orang responden sangat setuju (66.7%). Tiada responden yang setuju dan sangat tidak setuju. Ramai responden yang sudi menziarahi orang sakit tanpa mengira agama. Soalan yang berkaitan dengan kesudian melawat rumah rakan yang tidak seagama semasa hari perayaan. 2 orang responden tidak setuju (0.8%), 23 orang kurang setuju (19.2%), 31 orang setuju (25.8%) dan 65 orang sangat setuju

(54.2%). Tiada responden yang sangat tidak setuju. Serta soalan terakhir yang berkaitan dengan menderma tanpa mengira agama. Seramai 10 responden kurang setuju (8.3%), 27 orang responden setuju (22.5%) dan 83 orang responden sangat setuju (69.2%). Daripada rajah soalan 8, ramai responden bersetuju untuk menderma tanpa mengira agama.

#### 4. Rumusan

Sebagai rumusan daripada dapatan kajian ini, maka dapat disimpulkan bahawa budaya amalan toleransi beragama dalam kalangan mahasiswa sangat penting untuk dilaksanakan, ini kerana keamanan dan kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada perpaduan kaum di Malaysia. Oleh itu pihak universiti perlu memastikan bahawa mahasiswa dan mahasiswa sentiasa mempraktikkan perpaduan antara suku kaum lain. Peranan pensyarah adalah untuk memupuk semangat hidup bermasyarakat tanpa mengira warna kulit, budaya, kepercayaan dan agama. Selain itu pelbagai pihak harus bergerak sederap, seja sekata dalam iltizam mencapai hasrat keharmonian dan perpaduan negara bak kata pepatah bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Perpaduan kaum merupakan suatu misi yang amat penting agar Malaysia dapat mengorak langkah menuju ke arah pembentukan negara bangsa dan menjadi sebuah negara yang mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju. Rakyat adalah aset negara yang paling bernilai dalam pembinaan negara yang berbilang kaum.

#### Acknowledgement

Pengkaji mengucapkan ribuan terimakasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyelesaikan kajian ini, terutama kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Institut Agama Islam Negeri Tulungagung, Indonesia dan Universitas Darussalam Gontor Indonesia.

#### References

- [1] Ahmad Tarmizi Talib & Sarjit S. Gill. (2012). Socio-religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience. Global Journal of Human Social Science, 12(8), 49 – 54
- [2] Ahmad Tarmizi Talib. (2010). Socio-Religious Tolerance: Malaysia as a Case Study. PhD, Lampeter: University of Wales Lampeter. Ahmad Tarmizi Talib. (2013). Kajian Toleransi Sosio-Agama di Semenanjung Malaysia. Jurnal Perpaduan IKLIN. 138-170
- [3] Berita Harian (2020, Ogos 15) Sikap toleransi pupuk kemakmuran negara
- [4] Berita Harian. (2019, Januari 25) *Kepelbagaian agama,budaya perlu dihormati*
- [5] Casram (2016). *Membangun Sikap Toleransi Beragama Dalam Masyarakat Plural.* <https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/jw/article/download/588/700>
- [6] Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010. Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia
- [7] Jaffary Awang. (2003). Toleransi agama dan perpaduan kaum, pandangan intelek: satu observasi ringkas. dlm. Agama dan perpaduan kaum di Malaysia. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- [8] Karmini, A. N. (2013). Framing Moral Panic: A Comparative Analysis of the Alvin & Vivien Sex Blog Coverage by The Star and Malaysia Kini. Artikel ini dibentangkan di persidangan Asian Media Information and Communication, 2013
- [9] Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled (2011). *Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia:* Rujukan kepada artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- [10] Khareng, M. (2015). Toleransi Beragama & Implikasinya dalam Kalangan Mahasiswa/i Muslim Dan Buddha Di Prince Of Songkhla University, 14. [http://jurnalarticle.ukm.my/7827/1/55\\_15.pdf](http://jurnalarticle.ukm.my/7827/1/55_15.pdf)
- [11] Mohamed Yusoff Ismail. (2006). Buddhism in a Muslim state: Theravada practices and religious life in Kelantan. Jurnal E-Bangi, 1(1), 1–20. doi:10.1111/j.1478-1913.2010.01323x
- [12] Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). *Religious Tolerance in Malaysia : An Overview.* Middle East Journal of Scientific Research, 9(1), 23–27
- [13] Newman, I. & McNeil, K. (1998). *Conducting Survey Research in the Social Sciences.* Maryland: University Press of America
- [14] Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (2013). Religious Tolerance in Malaysia : Problems and Challenges. International Journal of Islamic Thought, 3, 81-91
- [15] Nur Mohammad Hadi Zahalan, Meryem Abousb, Ahmad Syukran Bharuddin. (2019). Hubungan Kemasyarakatan Muslim Dengan Non-Muslim mengikut perspektif Maqasid Shariah di Malaysia. Journal PP 67
- [16] Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Norhayati Mohd Dahlal. (2011). Dialog antara agama: realiti dan prospek di Malaysia. Kajian Malaysia, 29(2), 91–110
- [17] Rohaini binti Amin. (2017). Dialog Dan Toleransi Agama: Kepentingannya Kepada Masyarakat Majmuk Di Malaysia. Selangor : KUIS
- [18] Roni Ismail. (2012). Konsep toleransi dalam psikologi agama (tinjauan kematangan beragama). 8(1), 1-12

- [19] Schmitt, B. H. (1999). Experiential Marketing: How To Get Customer to Sense, Feel, Think, Act, Relate to Your Company and Brands. New York: The Free Press
- [20] Sofyan, A., & Sabardila, A. (2011). Persepsi mahasiswa terhadap kata toleransi kehidupan beragama
- [21] <https://www.utusanborneo.com.my/2018/11/17/tanamkan-sikap-toleransi-yang-tinggi-untuk-keharmonian-hidup>